



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN WARONG RIDER

TARIKH: 30 MAC 2021 (SELASA) , MASA: 9.00 PAGI
DI LOBI UTAMA, BLOK BENDAHARI SERI NEGERI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis;

**Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Salhah binti Salleh,
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan);**

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Fauzi bin Yaakub,
Timbalan Pengerusi Melaka ICT Holdings;**

**Yang Berusaha Ahli-ahli Lembaga Pengarah Melaka ICT
Holdings;**

**Yang Berbahagia Dato' Zainal Abidin Bin Dato' Haji Abd
Majid,
Ketua Sekretariat Gabungan Persatuan-Persatuan
Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM);**

**Yang Berusaha Encik Mohd Nazri bin Kamarulzaman,
CEO Idea Creative Technology Sdn. Bhd.;**

**Yang Berusaha Encik Muhammad Redza bin Omar,
Pengurus Pembangunan Perniagaan KiplePay Sdn.
Bhd.;**

Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) serta para hadirin dan warga Warong Rider yang diraikan pada hari ini.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT pada hari ini, dalam suasana norma baharu di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Warong Rider** di bawah Program Warong.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada MELAKA ICT HOLDINGS SDN. BHD. (MICTH) dan warga kerja Program Warong kerana telah berjaya membawa satu program pendigitalan usahawan di Negeri Melaka bagi merealisasikan dasar Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035).

3. Inisiatif ini mendokong ke arah **Flagship 4: “Digital Melaka”**; **Flagship 5: “Melaka Negeri Usahawan”** dan **Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kebajikan)** untuk memperkasa dan menjamin kesejahteraan rakyat Melaka merangkumi aspek pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemampanan sahsiah. Ia juga seiring dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui pelancaran Inisiatif MyDIGITAL dengan menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital serta mencapai pembangunan sosio ekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

4. Selain itu, saya juga ingin menzhahirkan rasa bangga dan terima kasih kepada keluarga Warong Rider yang bakal menjadi peneraju kepada **Melaka Key Result Area (MKRA)** yang **ke-4** iaitu **Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan**. Saya yakin, dengan usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh saudara saudari semua, Melaka pasti akan menggamit dunia pasca COVID-19.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

OBJEKTIF PROGRAM WARONG

5. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan ekonomi digital di samping mewujudkan sistem penghantaran yang cekap dan berkesan. Program Warong Rider ini juga bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan khususnya dalam kalangan golongan belia Negeri Melaka di bawah Program Warong, dengan sokongan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan SME Corp.

6. Kita semua sedia maklum, mutakhir ini, semua perkara yang kita lakukan berasaskan platform digital. Justeru, hari ini kita mesti bergerak selari dengan peredaran zaman atau sedepa lebih ke hadapan dalam meningkatkan ekonomi digital. Saya yakin, platform ini mampu menarik minat lebih ramai peniaga sebagai medium yang lebih efisien untuk mencapai sasaran pelanggan dalam tempoh yang singkat.

7. Pada sudut lain, tentu sekali kita amat mengharapkan platform seperti ini sedikit sebanyak dapat menjaga penjarakan sosial dan menggalakkan rakyat Melaka kekal selamat di kediaman masing-masing. Saya juga dapat lihat, urusanniaga secara *e-commerce* dan pembayaran secara dalam talian (*online*) juga dapat mengurangkan risiko sentuhan secara terus.

Saudara dan saudari,

8. Saya difahamkan konsep Warong Rider ini bukan sekadar menghantar pesanan makanan halal, malah telah diperluaskan kepada satu sistem penghantaran berpusat termasuk penghantaran ubat-ubatan dari farmasi, penghantaran dokumen dari pejabat atau barangan dari rumah ke rumah, serta penghantaran dari kedai runcit atau pasaraya terus ke lokasi anda.

9. Lebih menarik lagi, saya difahamkan, peluang pekerjaan sebagai *rider/runner* ini meliputi pelbagai insentif seperti **perlindungan penjana GIG**, penyelenggaraan motorsikal, insentif rider cemerlang, bonus bulanan dan tahunan termasuk cabutan UMRAH. Agen-agen boleh mendaftar secara PERCUMA tanpa yuran bulanan atau tahunan serta bayaran penuh kepada peniaga dengan komisen sehingga 20%.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

10. Kerajaan Negeri sangat komited serta memandangi tinggi usaha dan penyertaan generasi muda dalam menjana ekonomi negara dan negeri khususnya. Saya menyeru kepada semua rakyat Melaka, marilah kita meneroka peluang melalui kemudahan ekonomi digital yang kini menjadi trend di seluruh dunia bagi memacu pertumbuhan transformasi ekonomi digital.

11. Akhir kata, saya merasmikan Majlis Pelancaran Warong Rider tahun 2021.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ